



# **PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR)**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM  
KOMPLEKS PEJABAT DAERAH SABAK BERNAM  
45300 SUNGAI BESAR SELANGOR**

[www.selangor.gov.my/sabakbernam](http://www.selangor.gov.my/sabakbernam)

2021



## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PRAKATA</b>	1
<b>LATAR BELAKANG</b>	2
1. Sejarah Organisasi	2
2. Senarai Perjawatan	2
3. Lokasi	2
4. Pelan Lantai	2
5. Kemudahan yang disediakan	4
6. Sistem Keselamatan	4
<b>PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR)</b>	
1. Objektif	5
2. Skop	5
3. Definisi	6
4. Punca Kuasa	8
5. Penggunaan	9
6. Pengemaskinian	10
7. Punca Bencana	10
8. Pembentukan Pasukan Petugas Penyediaan PTBR	11
9. Pengumpulan Maklumat	13
10. Analisa Risiko	14
11. Kaedah Penilaian Risiko	15
12. Pengurusan Bencana Rekod	18
12.1 Sebelum Bencana	18
12.1.1 Pencegahan ( <i>Preventive</i> )	18
12.1.2 Persediaan ( <i>Preparedness</i> )	20
12.2 Semasa Bencana ( <i>Tindakan Proaktif/Response</i> )	23
12.3 Selepas Bencana	24
12.3.1 Penyelamatan	24
12.3.2 Pemulihan ( <i>Recovery</i> )	24
<b>PENUTUP</b>	26

**LAMPIRAN**

13.	Senarai Nama Pegawai Dan Nombor Telefon	28
	13.1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana	28
	13.2 Pasukan Bertindak Bencana	30
14.	Senarai Nama Agensi Berkaitan Bencana	33
15.	Senarai Nama Pembekal Peralatan Bencana	35
16.	Senarai Peralatan Bilik Rekod	37
17.	Senarai Peralatan Pasukan Bertindak Bencana	38
I.	Pelan Kawasan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	
II.	Pelan Bangunan Blok A	
III.	Pelan Bangunan Blok B	
IV.	Pelan Bangunan Blok C	
V.	Pelan Bangunan Blok F (Bawah)	
VI.	Dataran Bernam	
VII.	Jumlah Rekod	
VIII.	Lokasi Ruang Penyimpanan Rekod	
IX.	Senarai Semak	
	a. Senarai Semak Pencegahan ( <i>Preventive</i> )	
	b. Senarai Semak Persediaan ( <i>Preparedness</i> )	
	c. Senarai Semak Tindakan ( <i>Response</i> )	
	d. Senarai Semak Pemulihan ( <i>Recovery</i> )	
X.	Carta Aliran	
	• Carta Aliran Semasa Bencana	
	• Carta Aliran Menyelamatkan Rekod Selepas Bencana	
	• Carta Aliran Tindakan ( <i>Response</i> )	
	• Carta Aliran Pemulihan ( <i>Recovery</i> )	
XI.	Glosari	



## PRAKATA

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan keizinanNya jua maka Pelan Tindakan Bencana Rekod Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) telah siap sepenuhnya. Pertamanya saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Arkib Negara Malaysia yang telah memberikan khidmat nasihat dan bimbingan dalam membangunkan Pelan Tindakan Bencana Rekod Pejabat ini.

Bencana merupakan ancaman yang berlaku sama ada secara semulajadi atau disebabkan oleh kecuaiannya manusia. Bencana mengakibatkan kerosakan kepada manusia, harta benda, alam semula jadi dan juga tidak terkecuali bagi rekod.

Pemeliharaan rekod daripada kerosakan akibat bencana dan lain-lain adalah menjadi tanggungjawab PDTSB. Sehubungan dengan itu PDTSB telah mengambil inisiatif menyediakan Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR) sebagai persediaan menghadapi kemungkinan berlakunya bencana.

PTBR ini disediakan bagi PDTSB yang meliputi empat (4) blok bangunan iaitu Blok A, Blok B, Blok C, Blok F dan Dataran Bernam.

PTBR yang disediakan ini mencakupi aspek-aspek pencegahan, persediaan, tindakan semasa bencana dan tindakan pemulihan selepas bencana. Pelan ini disediakan bagi memastikan rekod yang disimpan di PDTSB dapat diselamatkan dan terpelihara bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan Jabatan meskipun terlibat dalam bencana.

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menyediakan PTBR ini. Diharapkan supaya apa yang telah didokumenkan dalam pelan ini dapat dipraktikkan dengan jayanya. Semoga usaha kita mendapat keberkatan Allah S.W.T dan diganjar dengan pahala amal jariah yang berpanjangan.

Pegawai Daerah Sabak Bernam  
Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam  
25 Mei 2022



## **LATAR BELAKANG PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

### **1. Sejarah Organisasi**

Pada tahun 1900, Daerah ini diletakkan di bawah pentadbiran Daerah Kuala Selangor.

Daerah Sabak Bernam diisytiharkan secara rasmi oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah pada 1 Julai 1960.

Pada ketika itu PDTSB diselia oleh Dato' Penggawa Permatang Paduka Maha Bijaya yang bertugas dalam Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu serta wakil kepada Sultan Selangor.

Pada peringkat awal pentadbiran, ia ditempatkan di Pekan Sabak Bernam dan telah dipindahkan ke Pekan Sungai Besar pada 21 April 1975.

### **2. Senarai Perjawatan**

Seramai 173 orang pegawai dan kakitangan ditempatkan di PDTSB meliputi tiga (3) bahagian utama iaitu Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Pembangunan (BP) dan Bahagian Pengurusan Tanah (BPT).

### **3. Lokasi**

Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam terletak di Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam. Koordinat Geografi, Latitud: 3.677219, Longitud: 100.989912.

### **4. Pelan Lantai**

Pelan lantai bagi tujuan penyediaan PTBR ini meliputi empat (4) blok bangunan dan Dataran Bernam iaitu:

#### **4.1 Blok A - ( Lampiran II )**

- Tingkat Bawah - Ruang Pejabat Unit Pendaftaran Geran
- Bilik Bunga Raya
- Surau Lelaki / Wanita

#### **4.2 Blok B – ( Lampiran III)**



- Tingkat Bawah - Ruang Pejabat Unit Hasil
  - Bilik Server
  - Ruang Pejabat Bahagian Pembangunan
- Tingkat Atas - Ruang Pejabat Bahagian Khidmat Pengurusan
  - Bilik Mesyuarat Cempaka
  - Ruang Pejabat Unit Teknologi Maklumat
  - Pejabat Orang Besar Daerah

#### 4.3 Blok C - ( Lampiran IV )

- Tingkat Bawah - Stor Bekalan PDTSB
  - Kaunter Utama
  - Ruang Pejabat Pesuruhjaya Sumpah
  - Ruang Pejabat Unit Pelupusan Tanah
  - Ruang Pejabat Unit Pembangunan Tanah
  - Bilik Solat Lelaki / Wanita
- Tingkat Atas - Bilik Rekod Bahagian Khidmat Pengurusan
  - Dataran Kecemerlangan
  - Ruang Pejabat Unit Perundangan dan Unit Integriti
  - Bilik Mesyuarat Mawar
  - Bilik Mesyuarat Anggerik
  - Pejabat Pegawai Daerah

#### 4.4 Blok F - ( Lampiran V )

- Tingkat Bawah - Bilik Pembantu Awam
  - Bilik Rekod
  - Bilik Makmal Teknologi Maklumat
  - Ruang Pejabat Unit Penguatkuasaan
  - Bilik Mesyuarat Sakura
  - Stor Unit Penguatkuasaan

#### 4.5 Pondok Pengawal Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam

- Bilik Kawalan CCTV



## 5. Kemudahan Yang Disediakan

- Kaunter Utama
- Kaunter Pesuruhjaya Sumpah
- Kaunter Unit Hasil
- Kaunter Unit Pendaftaran Geran
- Bilik Penyaksian
- Unit Pembahagian Pusaka Kecil
- Tandas Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Tandas Awam
- Tandas VIP
- Tempat meletak kenderaan Orang Kelainan Upaya (OKU)
- Tempat meletak motorsikal / kenderaan
- Kafeteria Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam
- Surau Lelaki / Wanita
- Laluan pejalan kaki
- Gelanggang Kekwa
- Padang Bola Sepak
- Bilik Bunga Raya
- Bilik Mesyuarat Cempaka
- Bilik Mesyuarat Mawar
- Dataran Bernam
- Padang PDTSB
- Dataran Patriotik
- Dataran Kecemerlangan
- Gazebo

## 6. Sistem Keselamatan

Kawasan kompleks bangunan Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam ini dikawal 24 jam sehari oleh Pengawal Keselamatan yang bertugas. Selain itu, pemantauan menggunakan Kamera Litar Tertutup juga dilakukan dengan pusat kawalan diletakkan di pondok pengawal utama.

Bahagian dalam bangunan dilengkapi dengan sistem alat penyembur air (*water sprinkler*), alat pengesan asap (*smoke detector*), alat pemadam api (*fire extinguisher*). Selain itu, pengesan asap dipasang untuk mengesan sebarang kebakaran apabila terjadi. Sistem Pencegah Kebakaran juga dipasang dan diselenggara secara berkala untuk memastikan sistem ini berfungsi sekiranya berlaku kebakaran.



## PELAN TINDAKAN BENCANA REKOD (PTBR)

### 1. Objektif

- i. Menghasilkan manual lengkap sebagai rujukan dan persediaan kepada Pegawai dan kakitangan PDTSB untuk menghadapi kemungkinan bencana;
- ii. Mengenalpasti risiko dan ancaman bencana yang mungkin berlaku kepada rekod;
- iii. Mengenalpasti langkah-langkah pencegahan dan persediaan sebelum bencana, tindakan semasa bencana serta tindakan pemulihan ke atas rekod selepas berlakunya bencana;
- iv. Membentuk Pasukan Bertindak Bencana (*Disaster Response Team*) yang akan bersedia dari segi tenaga, peralatan dan kelengkapan bagi menghadapi dan menjalankan kerja pemulihan rekod selepas bencana;
- v. Mengkoordinasikan satu sistem perhubungan dan jaringan komunikasi antara pegawai dan kakitangan PDTSB dengan agensi kerajaan serta pembekal perkhidmatan yang berkaitan; dan
- vi. Menambahbaik dan melancarkan aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan bencana.

### 2. Skop

PTBR ini hendaklah digunapakai oleh pegawai dan kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam di Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam meliputi bangunan:

- i. Blok A (Ruang Pejabat Unit Pendaftaran Geran, Bilik Bunga Raya, Surau Lelaki / Wanita)
- ii. Blok B
  - Tingkat Bawah (Ruang Pejabat Unit Hasil, Bilik Server, Ruang Pejabat Bahagian Pembangunan)
  - Tingkat Atas (Ruang Pejabat Bahagian Khidmat Pengurusan, Bilik Mesyuarat Cempaka, Ruang Pejabat Unit Teknologi Maklumat, Pejabat Orang Besar Daerah)
- iii. Blok C
  - Tingkat Bawah (Stor Bekalan PDTSB, Kaunter Utama, Ruang Pejabat Pesuruhjaya Sumpah, Ruang Pejabat Unit Pelupusan Tanah, Ruang Pejabat Unit Pembangunan Tanah, Bilik Solat Lelaki / Wanita)





- Tingkat Atas (Bilik rekod Bahagian KhidmatPengurusan, Dataran Kecemerlangan, Ruang Pejabat Unit Perundangan dan Unit Integriti, Bilik Mesyuarat Mawar, Bilik Mesyuarat Anggerik, Pejabat Pegawai Daerah) dan
- iv. Blok F
- Tingkat Bawah (Bilik Pembantu Awam, Bilik Fail, Bilik Rekod, Bilik Makmal Teknologi Maklumat, Ruang Pejabat Unit Penguatkuasaan, Bilik Mesyuarat Sakura, Stor Unit Penguatkuasaan)
- v. Pondok Pengawal Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam
- Bilik Kawalan CCTV

### 3. Definisi

#### (i) Bencana

Suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggemblengan sumber yang ekstensif

*[Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara]*

Gangguan atau bencana adalah akibat dari kejadian yang menyebabkan kegagalan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Gangguan atau bencana yang berlaku di Malaysia adalah akibat dari kejadian-kejadian seperti berikut:

- (a) bencana alam seperti banjir, gempa bumi, tanah runtuh, kemarau, kebakaran hutan, ribut petir, ribut tropika, luruan ribut, tsunami dan wabak penyakit;
- (b) gangguan yang tidak dirancang atau disengajakan seperti kebakaran, keganasan, sabotaj, kecurian, vandalisme dan tunjuk perasaan;
- (c) gangguan kepada perkhidmatan dan utiliti seperti bekalan elektrik, air, gas, komunikasi dan pengangkutan awam; dan
- (d) gangguan akibat serangan siber seperti pencerobohan, virus, *Distributed Denial of Service* (DDoS), kegagalan sistem ICT termasuk aplikasi, rangkaian dan perkakasan.

*[Pengurusan Kesyinambungan Perkhidmatan Agensi Sektor Awam, MAMPU]*



*Disaster: A serious disruption of the functioning of a community or a society involving widespread human, material, economic or environmental losses and impacts, which exceeds the ability of the affected community or society to cope using its own resources.*

*[UN International Strategy for Disaster Reduction]*

**(ii) Rekod**

Bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar, foto, mikrofilem, filem sinematografi, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal atau salinannya.

*[Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)]*

**(iii) Rekod Awam**

Rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan Kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Arkib Negara 1966 [Akta 511];

*[Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)]*

**(iv) Pejabat Awam**

Sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan;

*[Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)]*

**(v) Pelan Tindakan Bencana Rekod (PTBR)**

Pelan Tindakan Bencana Rekod merupakan dokumen bertulis yang dibangunkan oleh PDTSB bagi persediaan menghadapi bencana atau kecemasan. Dokumen ini menerangkan tindakan persediaan yang perlu diambil bagi pencegahan dan persiapan menghadapi bencana, tindakan semasa bencana dan langkah-langkah pemulihan rekod selepas bencana.

**(vi) Arkib**

Rekod yang dipelihara bagi nilai kebangsaan atau sejarahnya yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya.

*[Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)]*

**(vii) Pemulihan**

Memulihkan rekod, arkib dan kemudahan pejabat kepada keadaan asal bagi meneruskan aktiviti seperti biasa.

*Recovery: Restoring records and facilities to their usual condition and resuming normal activities.*

*[Emergency Planning for Records and Archives Services, International Records Management Trust, 1999]*

**4. Punca kuasa****(i) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)**

Perkara 7 – Fungsi Ketua Pengarah (q)

Mengenal pasti dan membuat salinan rekod penting yang perlu bagi keberterusan fungsi atau penyusunan semula sesuatu organisasi semasa dan selepas darurat dan juga rekod yang perlu bagi perlindungan hak dan kepentingan organisasi itu dan orang perseorangan yang secara langsung terjejas dengan kegiatan organisasi itu

**(ii) Panduan Pengurusan Pejabat 2007, Bab 8, Perkara 8.9 menyatakan arahan seperti berikut:**

Ketua Jabatan dan Ketua Agensi hendaklah menyediakan Pelan Tindakan Bencana yang meliputi aspek-aspek persediaan menghadapi bencana dan tindakan pemulihan rekod akibat bencana. Jabatan dan agensi boleh mendapat khidmat nasihat kepakaran daripada Jabatan Arkib Negara untuk menyediakan Pelan Tindakan Bencana bagi pemeliharaan dan pemuliharaan rekod awam.

**(iii) Arahan MKN No. 20, Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara**

Arahan ini bertujuan menggariskan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana secara menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian Bencana di darat. Arahan ini juga menjelaskan peranan dan tanggungjawab Agensi Kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela dalam pengurusan Bencana.

**(iv) Pengurusan Kesenambungan Perkhidmatan Agensi Sektor Awam (PKP), MAMPU**

Dokumen ini menjadi pelengkap kepada Arahan MKN No. 20, Dasar dan Mekanisma Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara, iaitu PKP agensi memberi fokus kepada pengurusan kesinambungan perkhidmatan di agensi itu sendiri manakala Arahan MKN



No. 20 memberi fokus kepada pengurusan bencana dan bantuan peringkat nasional yang memerlukan sumbangan sumber pelbagai agensi.

- (v) Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2012 Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer.

Pekeliling ini dijadikan panduan kepada semua Pengarah Tanah dan Galian serta Pentadbir Tanah dalam memastikan kelancaran dan keberkesanan operasi Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) mengikut Jadual Keempat Belas Kanun Tanah Negara (KTN) bagi memastikan kelancaran operasi sistem, ketepatan integriti data dan keselamatan fizikal serta kawalan sistem secara berterusan.

## 5. Penggunaan

PTBR ini diedarkan kepada semua bahagian/unit di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam dan Ahli Pasukan Bertindak Bencana seperti berikut:

- (i) Pegawai Daerah
- (ii) Ketua-ketua Penolong Pegawai Daerah
- (iii) Penolong-penolong Pegawai Daerah
- (iv) Ahli Pasukan Bertindak Bencana
- (v) Pegawai Penyelenggara Bangunan
- (vi) Pengawal Keselamatan

## 6. Pengemaskinian

Pengemaskinian PTBR ini akan dilakukan setiap lima (5) tahun atau dari semasa ke semasa mengikut keperluan seperti;

- i. Pertukaran keanggotaan dalam pasukan petugas;
- ii. Perubahan maklumat direktori pasukan petugas, pembekal, senarai kelengkapan dan sebagainya;
- iii. Terdapat sebarang pindaan dan perubahan bidang tugas, kaedah pemeliharaan, penambahbaikan prosedur penyelamatan dan sebagainya;
- iv. Keperluan membuat kajian semula risiko supaya pemantauan terhadap bencana dapat diberi perhatian;
- v. Terdapat perubahan dalam struktur bangunan dan pengubahsuaian bangunan;
- vi. Terdapat perubahan struktur organisasi PDTSB.

## 7. Punca Bencana

Kerosakan rekod di kebanyakan organisasi adalah akibat bencana yang berpunca dari keadaan alam sekitar yang tidak stabil dan akibat perbuatan manusia. Bencana yang disebabkan oleh manusia boleh dielakkan manakala bencana disebabkan oleh alam sekitar adalah sukar untuk



dielakkan. Bencana boleh berlaku dalam skala yang kecil seperti kerosakan rekod akibat kebocoran paip air dan dalam skala yang besar seperti banjir besar atau kebakaran. Banjir kilat adalah bencana yang kerap berlaku di Malaysia, maka rekod-rekod hendaklah di simpan di tempat yang tinggi dan bukan di tempat yang rendah.

Berdasarkan kepada definisi yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa punca bencana adalah seperti berikut;

- **Semulajadi** - Gempa bumi, kebakaran, banjir, tanah runtuh, ribut taufan, tsunami, puting beliung, wabak penyakit dan sebagainya.
- **Persekitaran** - Pembuangan kimia larangan, tumpahan minyak, runtuh bangunan, radiasi kimia perosak, letusan gunung berapi, letupan bahan api, kemalangan kenderaan, debu, jerebu, cahaya lampu, binatang serta serangga perosak dan sebagainya.
- **Politik/provokasi** - Perbalahan pekerja, rusuhan, mogok, pemberontakan, ancaman bom, membakar dengan sengaja, kecurian, sabotaj, kecuaiian dan kelemahan aspek keselamatan serta vandalisme dan sebagainya.
- **Teknologi** - Kegagalan perkakasan atau perisian, virus, gangguan elektromagnetik, kegagalan bekalan kuasa elektrik, aktiviti penggodam, kegagalan sistem penghawa dingin berpusat dan sebagainya.

## 8. Pembentukan Pasukan Petugas PTBR

### 8.1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Jabatan

Penasihat	-	Pegawai Daerah
Pengerusi	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Khidmat Pengurusan)
Setiausaha	-	Penolong Pegawai Tadbir I (Bahagian Khidmat Pengurusan)
Ahli	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pengurusan Tanah)
	-	Ketua Penolong Pegawai Daerah (Bahagian Pembangunan)
	-	Penolong Pegawai Daerah (Unit Pembangunan Fizikal)



- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pembangunan Masyarakat)
- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pembangunan Tanah)
- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pelupusan Tanah)
- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Pendaftaran Geran)
- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Hasil)
- Penolong Pegawai Daerah  
(Unit Penguatkuasaan)
- Ketua Unit Perundangan
- Ketua Unit Integriti
- Pegawai Rekod Jabatan PDTSB

Bidang Tugas Jawatankuasa:

- Menyokong program kesedaran dan pemulihan bencana di jabatan
- Memantau program pengurusan bencana jabatan
- Merancang peruntukan perbelanjaan bagi tujuan pemeliharaan rekod

## 8.2 Pasukan Bertindak Bencana Rekod

- |             |   |  |
|-------------|---|--|
| Koordinator | - | Ketua Penolong Pegawai Daerah<br>(Bahagian Khidmat Pengurusan) |
| Setiausaha  | - | Penolong Pegawai Tadbir I<br>(Bahagian Khidmat Pengurusan)     |
| Ahli        | - | Pegawai Rekod Jabatan PDTSB                                    |
|             | - | Pegawai dan Kakitangan<br>Bahagian Pengurusan Tanah            |
|             | - | Pegawai dan Kakitangan<br>Bahagian Khidmat Pengurusan          |



- Pegawai dan Kakitangan Bahagian Pembangunan
- Pegawai dan Kakitangan Unit Integriti dan Perundangan
- Urus setia - Bahagian Khidmat Pengurusan

#### Bidang Tugas Pasukan:

- Menyelaras, menguruskan dan melaksanakan program/aktiviti pencegahan bencana;
- Menyelaras, menguruskan dan melaksanakan program/aktiviti persediaan menghadapi bencana;
- Menyelaras, menguruskan dan melaksanakan program/aktiviti bertindak semasa bencana;
- Menyelaras, menguruskan dan melaksanakan program/aktiviti pemulihan selepas bencana;
- Bekerjasama dengan Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan dalam melaksanakan latihan pengurusan bencana kepada pegawai dan kakitangan di PDTSB; dan
- Menguruskan dan melaksanakan semakan/penyelenggaraan kelengkapan dan peralatan yang berkaitan secara berkala.

Selain itu, terdapat juga beberapa pihak ataupun badan yang turut terlibat membantu jawatankuasa dan pasukan ini dalam menyelamatkan dan memulihkan rekod yang telah rosak seperti Agensi Berkaitan Bencana dan Pembekal Barangan Bencana.

## 9. PENGUMPULAN MAKLUMAT

9.1 Dalam menyediakan PTBR ini, pengumpulan maklumat perlu dibuat bagi mengenalpasti:

- i. jenis rekod;
- ii. kepentingan rekod;
- iii. jumlah rekod;
- iv. lokasi penyimpanan rekod;
- v. kaedah pemeliharaan rekod (penyalinan atau *backup*); dan
- vi. maklumat lain yang berkaitan.



## 9.2 Maklumat-maklumat berkaitan dengan penyimpanan dan pemeliharaan rekod seperti:

	<u>UNIT</u>	<u>LOKASI</u>
Bilik Fail	- Pentadbiran	Blok B, Tingkat Atas
	- Kewangan	Blok B, Tingkat Atas
	- Pelupusan Tanah	Blok C, Tingkat Bawah
	- Pembangunan Tanah	Blok C, Tingkat Bawah
	- Hasil	Blok B, Tingkat Bawah
	- Pendaftaran Geran	Blok A, Tingkat Bawah
	- Penguatkuasaan	Blok F, Tingkat Bawah
	- Pembangunan Fizikal	Blok B, Tingkat Bawah
	- Pembangunan Masyarakat	Blok B, Tingkat Bawah
Bilik Rekod	- Pentadbiran	i. Blok C, Tingkat Atas ii. Stor Kabin A, Dataran Bernam
	- Kewangan	iii. Stor Kabin B, Dataran Bernam
	- Pelupusan Tanah	Blok F, Tingkat Bawah
	- Pembangunan Tanah	Blok F, Tingkat Bawah
	- Hasil	Blok F, Tingkat Bawah
	- Pendaftaran Geran	Blok F, Tingkat Bawah
Bilik kebal Ruang Simpanan Rekod Kewangan	- Pendaftaran Geran	Blok A, Tingkat Bawah
	- Kewangan	Blok B, Tingkat Atas
	- Hasil	Blok B, Tingkat Bawah
Jumlah Rekod	- 501,912 (lampiran VII)	
Pusat Data	- Unit Hasil (Blok B, Tingkat Bawah)	
<i>Backup</i>	- Unit Hasil (Blok B, Tingkat Bawah)	

**10. ANALISA RISIKO**

Analisa risiko dilakukan dengan mengenalpasti jenis bencana dan kemungkinan ianya berlaku. Analisa risiko ini dapat dikaitkan dengan keadaan fizikal bangunan, geografi dan cuaca. Berdasarkan kepada lokasi, bencana yang mungkin dihadapi oleh PDTSB adalah seperti berikut;





10.1 Fizikal bangunan;

- i. Bumbung bocor
- ii. Siling runtuh
- iii. Litar pintas
- iv. Dinding retak / Lantai retak
- v. Saluran paip bocor

10.2 Geografi dan cuaca;

- i. Banjir
- ii. Ribut
- iii. Kilat
- iv. Kebakaran
- v. Tanah runtuh
- vi. Gempa bumi

10.3 Lain-lain

- i. Serangan serangga dan lain-lain makhluk perosak
- ii. Vandalisme
- iii. Kecuaian dalam pengendalian dan pengurusan rekod
- iv. Kegagalan kuasa elektrik



## 11. PENILAIAN RISIKO

Penilaian risiko dilakukan untuk menentukan kesan bencana ke atas rekod yang terdapat di dalam simpanan PDTSB. Bencana yang berlaku akan menyebabkan kehilangan dan kerosakan ke atas rekod penting. Jadual 1 di bawah menunjukkan risiko dan impak bencana terhadap rekod.

<b>BENCANA</b>	<b>(A) RISIKO</b>	<b>(B) IMPAK</b>	<b>(C) SKOR A x B = C</b>
Bencana Alam; i. Banjir ii. Ribut iii. Kilat	2	4	8
Bumbung bocor	2	3	6
Siling Runtuh	2	2	4
Litar Pintas / Kebakaran	3	4	12
Serangga / Haiwan perosak	3	3	9
Bahan letupan	2	4	8
Kecuaian Manusia; i. Gangguan udara ii. Kebocoran maklumat iii. Rusuhan iv. Kecurian v. Vandalisme vi. Rompakan vii. Sabotaj viii. Jerebu	3	4	12
Gegaran bangunan ; i. Dinding retak / Lantai retak	2	2	4
Saluran paip bocor	3	3	9

Jadual 1: Risiko dan impak bencana terhadap rekod



### 11.1 Membuat penilaian risiko terhadap rekod di PDTSB.

Di dalam menilai risiko bencana, risiko-risiko ini mempunyai kadar yang berbeza. PDTSB perlu menilai risiko menggunakan skala yang dikategorikan seperti berikut:

- 1-tiada
- 2-sederhana
- 3-tinggi
- 4-sangat tinggi

Sekiranya kesan kemungkinan risiko tinggi dan sangat tinggi, perhatian perlu diberi supaya langkah pencegahan, persediaan dan tindakan yang perlu diambil dapat diberi keutamaan.

### 11.2 Mengenalpasti impak risiko terhadap rekod di Pejabat Awam

Impak risiko bencana terhadap Pejabat Awam juga dilihat melalui skala berikut :

- 1-tiada
- 2-sederhana
- 3-tinggi
- 4-sangat tinggi

Semakin tinggi skala impak risiko, bermakna semakin besar kesan kerosakan terhadap rekod yang akan dihadapi. Kombinasi antara risiko dan impak akan memperlihatkan kesan kemusnahan dan kerosakan yang akan dihadapi oleh rekod di Pejabat Awam.



### 11.3 Kedudukan Risiko Dan Impak

<b>KEUTAMAAN (RANKING)</b>	<b>RISIKO / BENCANA</b>
Kecuaian manusia	12
Litar pintas / kebakaran	12
Serangga / haiwan perosak	9
Saluran paip bocor	9
Bencana alam	8
Bahan letupan	8
Bumbung bocor	6
Siling runtuh	4
Gegaran bangunan / dinding dan lantai retak	4

Jadual 2: Risiko dan Impak Bencana

Berdasarkan kepada jadual 2 di atas menunjukkan semakin tinggi skor yang dicapai maka semakin besar kesan ancaman bencana. Ancaman utama kepada rekod di PDTSB dilihat daripada segi:

- i. Faktor jangka pendek – kecuaiian manusia akan menyebabkan berlakunya kebocoran maklumat, kecurian, vandalisme, rusuhan sabotaj, rompakan dan jerebu
- ii. Faktor jangka panjang – kecuaiian manusia yang disebabkan oleh:
  - Sikap yang tidak bertanggungjawab
  - Tidak berintegriti
  - Mementingkan diri sendiri



## 12. PENGURUSAN BENCANA REKOD

### 12.1 Sebelum bencana (Pencegahan dan Persediaan)

#### 12.1.1 Pencegahan (*Preventive*)

Memahami dan menyedari akan ancaman risiko dan kemusnahan yang akan berlaku sekiranya berlaku bencana, PDTSB telah pun mengambil langkah-langkah pencegahan dan mempertingkatkan kesedaran kepada pegawai dan kakitangan. Bagi menangani punca-punca bencana seperti di bawah, beberapa perkara perlu dilakukan dan dipatuhi:

- Menjalankan pemeriksaan bangunan dan peralatan bagi mencegah bahaya yang berpotensi.
- Melaksanakan penyenggaraan secara berkala bagi mencegah bencana di dalam bangunan dan kawasan sekitarnya.
- Memasang pengesan kebakaran automatik, sistem pemadam api, dan penggera.
- Mengambil langkah berjaga-jaga yang khusus sekiranya melakukan pengubahsuaian atau naik taraf bangunan kerana terdapat risiko bencana.
- Menyediakan sistem rekod penting dan menyimpan sistem tersebut di bangunan berasingan sebagai langkah keselamatan rekod berkenaan.
- Melindungi komputer dan data melalui penyediaan bekalan kuasa tanpa gangguan.

RISIKO	PENCEGAHAN ( <i>PREVENTIVE</i> )
Kecuaian manusia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemasangan kamera litar tertutup</li><li>• Kawalan akses kepada dokumen</li><li>• Memperketatkan SOP Keselamatan</li><li>• Pemasangan <i>Access Door</i></li><li>• Arahan Dalaman Pengurusan Fail</li><li>• Mewujudkan zon kawasan larangan membawa makanan di kawasan penyimpanan rekod</li></ul>
Litar pintas/kebakaran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyelenggaraan dan ujian secara berjadual ke atas litar elektrik dan sistem pencegahan kebakaran</li><li>• Pendigitalan rekod dan dokumen</li><li>• Sistem penggera terus kepada bomba</li><li>• Menjalankan latihan pencegahan kebakaran secara berkala</li><li>• Mendapatkan <i>Fire Certificate</i></li></ul>



	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengelakkan bebanan penggunaan tenaga elektrik yang berlebihan yang boleh menyebabkan 'overload' (contoh : penggunaan plug tambahan)</li></ul>
Faktor biologi	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pewujudan jadual penyelenggaraan <i>pest control</i></li><li>• Penukaran rak kayu kepada rak besi</li><li>• Pendigitalan rekod dan dokumen</li><li>• Penggunaan kotak yang bersesuaian bagi fail yang tidak aktif</li><li>• Bilik fail perlu diselenggara mengikut jadual yang ditetapkan</li><li>• Meletakkan <i>silica gel</i> di dalam setiap bilik rekod fail</li></ul>
Paip bocor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemeriksaan berjadual</li><li>• Melantik kontraktor yang bertauliah</li><li>• Penambahbaikan 19system perpaipan yang sedia ada</li></ul>
Bencana alam	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemasangan 19system penggera banjir di tempat berisiko</li><li>• Penambahbaikan 19system perparitan kepada yang lebih efisien</li><li>• Pengurusan fail yang sistematik</li><li>• Sentiasa mengambil maklum berkenaan ramalan kaji cuaca</li></ul>
Letupan	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemeriksaan berjadual</li><li>• Pemasangan 19system penggera</li><li>• Tempat penyimpanan bahan mudah terbakar diasingkan</li><li>• Meletakkan papan tanda peringatan kawasan mudah meletup</li></ul>
Bumbung / Siling bocor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemantauan berjadual</li><li>• Pemasangan alat pengesan air bertakung</li><li>• Pemasangan <i>water proofing</i> untuk semua bumbung</li></ul>
Siling runtuh	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pemantauan berjadual</li><li>• Penggunaan siling yang berkualiti</li><li>• Tidak meletakkan bebanan di atas siling</li></ul>
Gegaran bangunan / dinding dan lantai retak	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kerja-kerja penyelenggaraan perlu mengikut SOP yang sesuai</li><li>• Kerja-kerja penyelenggaraan dalam kawasan pejabat perlu dilakukan selepas waktu pejabat dan dipantau</li><li>• Pemantauan berjadual</li><li>• Pemasangan lantai yang berkualiti dan mengikut spesifikasi yang ditetapkan</li><li>• Melantik kontraktor yang bertauliah dan berdaftar dengan CIDB</li></ul>

Jadual 3: Risiko dan Pencegahan



### 12.1.2 Persediaan (*Preparedness*)

Sebagai persiapan bagi menghadapi bencana, PDTSB telah pun mengambil tindakan proaktif dengan mengadakan;

#### a. Kawalan Keselamatan Bangunan

Langkah-langkah keselamatan bangunan yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan seperti berikut:

- i. Mengadakan kawalan dan sistem keselamatan seperti berikut :
  - Perkhidmatan Pengawal Keselamatan 24 jam
  - Pemantauan pergerakan keluar dan masuk Pelawat / Kakitangan / Pembekal / Kontraktor dan lain-lain.
  - Sistem Keselamatan
    - Pemantauan CCTV 24 jam
    - Bilik Kebal
    - Sistem Siaraya Berpusat/*Intercom*
    - Sistem Telefon Berpusat
    - Penggunaan kad akses
- ii. Perkhidmatan Pembersihan dilaksanakan oleh Pembantu Awam bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dalam ruang pejabat.
- iii. Penyediaan bilik fail dan bilik rekod mengikut piawai Arkib Negara Malaysia dan garis panduan keselamatan oleh Pejabat Keselamatan Kerajaan.

#### b. Kawalan Kebakaran

- i. Mengadakan latihan pengungsian (*Fire-drill*) / ceramah kepada kakitangan.
- ii. Mendapatkan Perakuan Bomba (*Fire Certificate*).
- iii. Menguatkuasa peraturan-peraturan pencegahan kebakaran seperti larangan merokok, mematikan punca kuasa elektrik/bahan api dan sebagainya.
- iv. Memastikan pintu rintangan api sentiasa ditutup rapat dan sentiasa berada dalam keadaan yang baik terutama bagi ruang-ruang yang menyimpan bahan rekod.
- v. Menyemak secara berkala pendawaian elektrik. Peralatan elektrik perlu menepati voltan yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga dan SIRIM.
- vi. Memastikan tiada bahan mudah terbakar berada berdekatan dengan punca kebakaran.
- vii. Memastikan *lightning resistor* berada dalam keadaan yang baik.
- viii. Memastikan alat-alat pencegahan kebakaran seperti di bawah diselenggara secara berkala:



- Penggera Kebakaran
- Alat Penyembur Air (*Water Sprinkler*)
- Alat Pemadam Kebakaran (*Fire Extinguisher*)
- Sistem Penggera Kebakaran Jenis Pecah Kaca (*Breakglass Fire Alarm System*)
- Alat Pengesan Asap (*Smoke Detector*)
- Alat Pengesan Haba (*Heat Detector*)
- *Fire Escape (Emergency Exit Doors)*

#### c. Menyediakan Peruntukan Mengurus bagi aktiviti menyelamatkan rekod

Bahagian Khidmat Pengurusan perlu merancang menyediakan peruntukan mengurus mengikut keperluan bagi perkhidmatan yang disediakan termasuk pembelian peralatan dan kelengkapan asas bagi pemulihan rekod akibat bencana;

- **Peralatan *On-site***

Peralatan yang perlu disediakan oleh Jabatan sebagai persediaan menghadapi kemungkinan bencana. Peralatan ini disimpan di Stor Bekalan PDTSB.

- **Peralatan *Off-site***

Peralatan yang perlu diperolehi daripada pembekal / agensi-agensi lain untuk sokongan ketika bencana bergantung kepada keperluan.

#### d. Menubuhkan Pasukan Bertindak Bencana

Pasukan ini akan terlibat secara langsung dalam aktiviti:

- i. Menyelamat rekod di dalam dan di luar jabatan.
- ii. Latihan menghadapi bencana seperti latihan pengungsian bangunan yang dibuat dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat
- iii. Mengenalpasti pelan lantai, ruang dan peralatan penting yang diperlukan ketika bencana.
- iv. Kerja-kerja pemuliharaan rekod oleh ahli pasukan.

#### e. Membuat salinan sandaran (*back-up*) rekod

Program ini dilakukan ke atas rekod PDTSB yang disimpan melalui program *data conversion*, pendigitalan dan sistem rekod elektronik yang disediakan. Penyediaan salinan keselamatan dan salinan pendua dilakukan bagi melindungi rekod dan disimpan di kawasan yang selamat.





#### **f. Kawalan Keselamatan Rekod**

Bilik fail dan bilik rekod disediakan mengikut piawaian Arkib Negara Malaysia.

#### **g. Kawalan Banjir**

Penyelenggaraan secara berkala hendaklah dilaksanakan sepertimana ditetapkan dan memastikan tindakan pembaikan segera diambil bagi:

- i. Saluran paip / laluan air
- ii. Kebocoran bumbung
- iii. Sebarang kerosakan dan kecacatan.

#### **h. Kawalan Kerosakan Rekod**

Rekod merupakan aset yang penting kepada PDTSB, oleh itu kawalan kerosakan semasa penggunaan dan pengendalian merupakan aspek yang penting. Bagi mencegah daripada sebarang kerosakan, perkara seperti berikut amatlah penting :

- i. Peningkatan pemeliharaan dan pemuliharaan ke atas rekod.
- ii. Penyelenggaraan ruang penyimpanan rekod hendaklah dilaksanakan secara berjadual. Kawalan suhu/ kelembapan/kawalan serangga
- iii. Peningkatan pengendalian rekod yang betul dan baik.

#### **i. Kawalan Pusat Data**

Penyelenggaraan pusat data dan sistem merupakan satu elemen yang penting memandangkan sebahagian pengurusan rekod di PDTSB menggunakan sistem elektronik. Tambahan pula, terdapat banyak rekod yang telah dibuat pendigitalan. Penyelenggaraan secara berkala akan dapat mengelakkan berlaku risiko kerosakan perisian (*software*) dan perkakasan (*hardware*).

#### **j. Membangunkan Direktori Bencana**

Direktori bencana yang dibangunkan adalah meliputi senarai talian telefon dan alamat:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Bencana PDTSB (Rujuk Perkara 13)
- ii. Ahli Pasukan Bertugas Bencana (Rujuk Perkara 13)
- iii. Agensi Yang Berkaitan Dengan Bencana (*Off-site support*) (Rujuk Perkara 14)
- iv. Agensi Pembekal Perkhidmatan (*Off-site support*) (Rujuk Perkara 15)



## 12.2 Semasa Bencana (Tindakan Proaktif/*Response*)

### Tindakan (*Response*)

Setiap pegawai dan kakitangan PDTSB dikehendaki mengikuti peraturan dan tatacara menghadapi bencana seperti berikut :

- (i) Melaksanakan prosedur kecemasan seperti membunyikan loceng kecemasan
- (ii) Pegawai dan kakitangan dikehendaki keluar dari bangunan dan berkumpul di tempat berkumpul yang disediakan iaitu di tempat letak kereta Dataran Bernam.
- (iii) Menghubungi dan memaklumkan berlakunya bencana kepada:
  - a. Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana
  - b. Pengurusan Tertinggi Jabatan
- (iv) Mendapatkan kebenaran dan kelulusan untuk memasuki lokasi bencana
- (v) Membuat penilaian untuk mengetahui tahap kerosakan dan mendapatkan keperluan peralatan, pembekal dan perkhidmatan sebenar.
- (vi) Menstabilkan persekitaran rekod untuk mengelakkan pertumbuhan kulat dengan menyediakan alat *dehumidifier* dan *silica gel* untuk mengawal kelembapan.
- (vii) Merakam keadaan bencana menerusi gambar foto, video atau rakaman digital sebagai bukti untuk tujuan tuntutan insuran dan perancangan masa hadapan.

**Peringatan :** Semasa bencana, nyawa dan keselamatan manusia hendaklah diutamakan.

## 12.3 Selepas Bencana (Penyelamatan dan Pemulihan)

### 12.3.1 Penyelamatan

- a. Menyediakan ruang untuk merekod dan membungkus bahan bagi tujuan pembekuan, pengeringan dan lain-lain kaedah pemuliharaan kecil.
- b. Memindahkan rekod-rekod yang basah ke dalam peti ais beku. (lihat Senarai Semak dan Carta Aliran di Lampiran 7 dan Lampiran 8). Bahagian ini memperlihatkan carta aliran kerja menyelamatkan rekod yang rosak



### 12.3.2 Pemulihan (*Recovery*)

#### A. Pemulihan Akibat Banjir/Kebocoran Saluran Air

##### 1. Rekod/Dokumen Kertas

- Rekod basah boleh dikeringkan secara semulajadi menggunakan kipas atau mesin penyedut hampagas (*vacuum cleaner*)
- Sekiranya rekod basah di bahagian tepi atau sebahagian kecil sahaja rekod hanya perlu dianginkan
- Sekiranya rekod basah keseluruhan, rekod perlu dikering dan dianginkan
- Sekiranya dokumen berlumpur, air perlu dialirkan ke atas dokumen sebelum dokumen dikering, dianginkan atau dikering beku
- Sekiranya jumlah rekod yang basah terlalu besar, rekod perlu dikering beku di dalam *freezer* sebelum kerja pemulihan rekod dijalankan kemudian
- Rekod yang hendak dikering beku hendaklah terlebih dahulu diikat dan dibungkus menggunakan plastik
- Pengeringan perlu dijalankan ditempat yang sejuk, kering dan bersih.
- Elakkan daripada peningkatan suhu dan kelembapan yang akan menggalakan pertumbuhan cendawan dan kulat
- Menggunakan *dehumidifier* sekiranya perlu untuk menyerap kelembapan

##### 2. Bahan audio, video dan multimedia

- Cakera padat (CD / DVD)
  - Berus lumpur pada *casingnya* dengan lembut.
  - Lapkan *casing* dengan tuala yang dilembapkan (bukan tuala basah).
  - Jika tiada kerosakan kepada *disk*, buka *casingnya* dan berus habuk/lumpur pada *disk* dengan berus lembut atau tisu secara berhati-hati.
  - Lap dari tengah *disk* secara terus ke bahagian luar *disk*. Jangan lap secara berpusing ke atas *disk* tersebut.



- Pengendalian *disk* hendaklah secara berhati-hati pada sebelah label kerana bahagian ini mudah tercalar dan boleh mempengaruhi kebolehan main semula *disk* tersebut.

## B. Pemulihan Akibat Kebakaran

### 1. Open Reel dan Pita Magnetik (Kaset dan Pita Rakaman)

- Berus habuk pada *cove*mya dengan lembut.
- Jika berlaku penyejatan, bilas dengan air.
- Keringkan air daripada *casing* dengan membuka *casing* secara lembut (jangan alihkan kaset) dan letakkan *casing* secara menegak ke atas di atas tapak yang menyerap air.
- Setelah benar-benar kering, laksanakan penyalinan bahan.
- Semak semula salinan yang dibuat untuk dibaca dan labelkan sebelum membuang salinan asal.

### 2. Rekod/Dokumen Kertas

- Dilarang menggunakan air atau larutan lain untuk membersihkan rekod/dokumen.
- Bersihkan jelaga dan abu pada dokumen/rekod menggunakan pembersih hampagas (*vaccum*) dengan segera. Jika dokumen/rekod masih basah/lembap, tunggu sehingga kering
